


# GAMBAR PASPORT

## Panduan Gambar Pasport dan Pemohon

Mulai 8hb April 2013, Jabatan Imigresen, Malaysia sudah mula menggunakan passport jenis Mukasurat Polycarbonate. Sila teliti panduan dan spesifikasi gambar atau pemohon sebelum mengemukakan permohonan Pasport Antarabangsa Malaysia yang baru. Sila ikuti arahan yang diberikan di bawah dengan betul.

## Panduan Gambar Pasport



- Belatirbelakang warna putih bersaiz 35mm x 50mm ( Lebar x Tinggi)
- Muka pemohon mesti merangkumi 70-80% daripada keseluruhan gambar
- Gambar pemohon yang terkini tidak kurang dari tempoh 6 bulan
- Jika gambar di cetak, mestilah menggunakan kertas yang berkualiti tinggi berserta resolusi terbaik
- Gambar seharusnya dalam keadaan fokus yang terbaik ( Sharp ), herkualiti tinggi, tanpa terlipat dan tiada kotoran atau bekas dakwat
- Potret hendaklah menunjukkan pemohon yang secara langsung di kamera
- Ia perlu mempunyai kecerahan dan kontras yang sesuai
- Jika dalam warna, ia harus menunjukkan warna kulit secara semula jadi

- Penataan cahaya hendaklah seragam tanpa ada bayang-bayang dibelakang dan tiada pantulan cahaya pada muka pemohon
- Tiada kesan merah mata ( red-eye ) pada pemohon


## Panduan Pemohon dalam Gambar Pasport

- Pemohonan mesti berpakaian gelap dan bagi wanita bertudung, hendaklah bertudung gelap
- Tudung berwarna cerah tidak dibenarkan
- Pemohon hendaklah memandang tepat kearah camera dengan ekspresi semulajadi tanpa mulut terbuka
- Tiada apa-apa ( tudung atau rambut ) yang meliputi dahi atau mata
- Potret hendaklah menunjukkan mata dengan jelas dan tidak tertutup
- Pemohon hendaklah mengadap kamera, tidak melihat ke atas atau bahu (Gaya Potret)
- Kepala harus tegak supaya bayangan garis mendatar antara pusat mata selari dengan bahagian atas tepi gambar

- Tiada pantulan cahaya pada cermin mata dan tidak menggunakan kanta gelap yang boleh melindungi karekter mata pemohon
- Jika boleh, elakkan menggunakan bingkai yang sarat atau terlalu tebal
- Bingkai tidak melindungi apa-apa sebahagian daripada mata
- Penutup kepala tidak boleh diterima kecuali keadaan di mana pihak berkuasa Negeri yang membawanya khusus meluluskan seperti keadaan yang mungkin berdasarkan agama, perubatan dan budaya
- Potret hendaklah tidak memperlihatkan orang lain, kerusi belahkang ataupun mainan kanak-kanak

# GAMBAR PASPORT

## Contoh Gambar Betul atau Diterima



## Contoh Gambar Salah atau Tidak Diterima



Gambar yang tidak menepati piawai ini boleh menyebabkan gambar perlu dikemukakan semula dan akan melewatkan proses permohonan

